

UNSUR SERAPAN KATA BAHASA MELAYU STANDARD DALAM BAHASA IBAN DAN DIALEK MELAYU SARAWAK

ABSORPTION ELEMENT OF STANDARD MALAY WORD IN IBAN LANGUAGE AND SARAWAK MALAY DIALECT

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek

Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAR, Malaysia
(Email: radna.yahya@ipgmkar.edu.my)

Accepted date: 14-04-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Sawek, R. W. M. Y. (2019). Unsur Serapan Kata Bahasa Melayu Standard dalam Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 166-178.

DOI: 10.35631/ijhpl.260014

Abstrak: Corak serapan yang berlaku dalam Bahasa Iban (BI) dan Dialek Sarawak (DMS), diambil masuk dengan hanya menyesuaikan bunyi dan ejaan, jika perlu, supaya sesuai dengan bunyi dan sebutan bahasa ibunda. Sebahagian besar kata asal dalam BI dan DMS diambil masuk melalui kaedah serapan. Oleh yang demikian, proses integrasi kata Bahasa Melayu Standard ke dalam BI dan DMS melibatkan banyak perubahan kerana melibatkan unsur serapan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor unsur serapan kata Bahasa Melayu Standard yang memacu proses integrasi bahasa sumber ke dalam bahasa penerima. Kajian ini mengaplikasikan kerangka teori kontak bahasa (language contact) yang diperkenalkan oleh Weinreich pada tahun 1953. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif sepenuhnya dengan menggunakan instrumen soal selidik ke atas guru pelatih berbangsa Melayu dan Iban di Sarawak. Data menunjukkan bahawa 100% (234 orang) responden bersetuju bahawa bahasa yang bertindak sebagai simbol kepunyaan akan menimbulkan minat yang kuat dalam kalangan pendatang untuk menggunakan bahasa standard. Situasi ini terhasil daripada serapan bahasa sehingga menyebabkan integrasi bahasa. Dapatan ini membuktikan bahawa unsur serapan yang sudah disenaraikan dalam kamus bahasa penerima, bermakna unsur itu sudah berintegrasi. Kesimpulannya, penyesuaian unsur bahasa yang diserap masuk ke dalam BI dan DMS sebagai bahasa penerima sebenarnya telah melalui proses integrasi pada jangka masa yang lama. Impaknya, proses ini menyebabkan berlakunya penambahan kosa kata iaitu kata daripada serapan yang dimasukkan ke dalam kamus bahasa penerima sebagai kata ‘asli.

Kata Kunci: Serapan Bahasa, Integrasi Bahasa, Bahasa Penerima, Dialek Melayu Sarawak

Abstract: Absorption patterns that occur in Iban (BI) and Sarawak Dialect (DMS), are taken in by only adjusting sound and spelling as to match the sound and pronunciation of the mother tongue. Most of the original words in BI and DMS are entered through the absorption method. Because of the absorption element, many changes involve in the integration of the Standard Malay word into BI and DMS. Hence, this study aims to identify the factor of the absorption element of the Standard Malay word that facilitates the integration of the source language into the recipient language. This study which applies the framework of language contact theory introduced by Weinreich in 1953, is a complete quantitative study using questionnaires on Malay and Ibantrainee teachers in Sarawak. The data show that 100% (234) of respondents agreed with the language that serves as a symbol of belonging would raise a strong interest among the immigrants to use the standard language. This situation resulted from language absorption that has led into language integration. This finding shows that the absorption element which already listed in the recipient language dictionary, indicating the element has been integrated. In conclusion, the adaptation of the language elements absorbed into the BI and DMS as the recipient language has actually undergone an integration process over a long period of time. As a result of this process, the addition of vocabulary occurs when the insertion of absorption into the recipient language dictionary accepted as the original word.

Keywords: Language Absorption, Language Integration, Recipient Language, Sarawak Malay Dialect

Pengenalan

Integrasi ialah satu proses yang cuba menyatupadukan dan mewujudkan pembentukan kebudayaan kebangsaan yang tersendiri dalam masyarakat majmuk (Mohd Salleh Lebar, 1998). Dalam proses integrasi bahasa pula, unsur bahasa sumber diserap ke dalam sistem bahasa penerima sehinggakan sifat kata bahasa sumber yang asli sukar untuk dikesan. Jendra (1991) menerangkan jika sesuatu unsur bahasa sumber telah diterima masuk ke dalam kamus bahasa penerima, dapat dikatakan bahawa integrasi sudah berlaku. Ekoran daripada itu, unsur bahasa sumber yang digunakan dalam bahasa penerima dianggap menjadi sebahagian daripada bahasa penerima, bukan lagi sebagai unsur pinjaman (Chaer & Agustina, 1995).

Dalam penyelidikan ini, integrasi bahasa merujuk kepada penggunaan unsur bahasa Melayu Standard (selepas ini dikenali sebagai BMST) secara sistematik seolah-olah merupakan sebahagian daripada bahasa penutur kaum Iban dan penutur kaum Melayu Sarawak tanpa mereka sedari. Dengan kata lain, unsur BMST sudah diterima sebagai sebahagian daripada bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak (selepas ini dikenali sebagai DMS). Penyesuaian unsur bahasa Melayu (bahasa sumber) yang diserap masuk ke dalam bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak (bahasa penerima) telah melalui proses integrasi dalam jangka masa yang panjang. Weinreich (1953) menegaskan bahawa jangka masa penyesuaian unsur integrasi bergantung pada faktor keperluan unsur serapan kata Bahasa Melayu. Kaum Iban dan kaum Melayu Sarawak telah menyerapkan pelbagai kosa kata bahasa Melayu ke dalam bahasa ibunda masing-masing melalui proses integrasi bunyi dan imbuhan. Kata serapan bahasa Melayu melalui proses integrasi terjadi berperingkat-peringkat, bermula daripada generasi terdahulu kepada generasi kini.

Tinjauan Literatur

Kajian ini mengemukakan beberapa sorotan kajian sebagai panduan untuk melaksanakan kajian. Weinreich 1953 telah mendefinisikan Integrasi Bahasa sebagai unsur interferensi yang terjadi secara berulang-ulang dalam turutan seseorang atau sekelompok orang sehingga semakin lama unsur itu semakin diterima sebagai sebahagian daripada sistem bahasa mereka. Oleh itu kajian ini merangkumi kajian tentang gangguan bahasa (language contact) yang meliputi kajian tentang interferensi, kajian tentang dan kajian tentang peminjaman kata.

Menurut pendapat Chaer (1998), interferensi pertama kali digunakan oleh Weinreich untuk menyebut adanya perubahan sistem suatu bahasa sehubungan dengan adanya persentuhan bahasa tersebut dengan unsur-unsur bahasa lain yang dilakukan oleh penutur bilingual. Interferensi mengacu pada adanya penyimpangan dalam suatu bahasa dengan memasukkan sistem bahasa lain. Serpihan-serpihan klausa daripada bahasa lain dalam suatu kalimat bahasa lain juga dapat dianggap sebagai peristiwa interferensi. Sedangkan, menurut Hartman dan Stonk dalam Chaer (1998) interferensi terjadi akibat kebiasaan-kebiasaan ujaran bahasa ibunda atau dialek ke dalam bahasa kedua.

Jendra (1991) menyatakan bahawa dalam interferensi terdapat tiga perkara utama iaitu bahasa sumber, iaitu bahasa yang menyusup unsur-unsurnya ke dalam sistem bahasa lain, bahasa penerima iaitu bahasa yang menerima atau dipengaruhi oleh bahasa sumber dan bahasa yang terserap atau unsur serapan. Dalam komunikasi bahasa yang menjadi bahasa sumber pada saat tertentu akan beralih peranan menjadi bahasa penerima dan sebaliknya. Begitu juga dengan bahasa penerima berperanan sebagai bahasa sumber. Oleh yang demikian, interferensi dapat terjadi secara timbal balik.

Zainal Abidin bakar (1990) mengatakan dalam artikel yang bertajuk, 'Peminjaman dalam Peristilahan, menyatakan peminjaman disenaraikan sebagai pilihan terakhir dalam aturan pengubalan dan penciptaan istilah. Namun cara peminjaman kata dan istilah tidak dilakukan secara utuh. Hasilnya, terpinjamlah pelbagai kata dan istilah dalam pelbagai peringkat. Bukan sekadar kata dasar yang dipinjam, kata dan istilah yang berimbunan pun banyak yang dipinjam. Hal sedemikian menimbulkan dua masalah. Yang pertama, ada kata dan istilah yang dipinjam itu tidak dapat hidup subur dalam Melayu dan tidak dapat berperilaku sebagai kata Melayu. Yang kedua, kata-kata yang dipinjam itu membawa masuk persoalan unsur daripada bahasa asalnya.

Amalan budaya dalam masyarakat boleh berubah seiring dengan peredaran masa yang membuka peluang kepada pengaruh-pengaruh yang datang dari luar ruang budaya masyarakat, lalu bertembung dan budaya pun mengalami proses-proses perubahannya sama ada secara asimilasi ataupun akulturasi (Shaliza,2015). Proses asimilasi budaya berlaku apabila dua budaya berbeza bertembung disesuaikan antara satu sama lain, manakala akulturasi merupakan adaptasi budaya asing terus ke dalam budayanya sendiri kerana masyarakat menerima perubahan budaya secara total terutama apabila tidak ada percanggahan dari segi adat atau agama. Budaya yang meluas mencakupi seluruh aspek kehidupan sesebuah masyarakat.

Permasalahan Kajian

Corak serapan yang berlaku dalam Bahasa Iban (BI) dan Dialek Melayu Sarawak (DMS), diambil masuk dengan hanya menyesuaikan bunyi dan ejaan, supaya sesuai dengan bunyi dan sebutan bahasa ibunda. Sebahagian besar kata pinjaman diambil masuk melalui kaedah serapan. Penyerapan berlaku sepanjang masa, dan asal usul kata serapan berbeza mengikut

perkembangan budaya sezaman. Lama barunya sesuatu kata serapan mendapat tempatnya dalam BI dan DMS dapat dilihat dari tabii bunyinya. Oleh yang demikian, proses integrasi kata bahasa Melayu ke dalam BI dan DMS mengalami kesukaran untuk dikaji kerana melibatkan corak serapan yang berlaku mengikut kerangka Weinreich (1953). Kajian ini juga dilihat sejauh mana serapan kata BMST berjaya diintegrasikan dalam BI dan DMS mengikut kerangka Weinreich (1953). Perubahan sosial turut terjadi dalam masyarakat Iban dan Melayu Sarawak yang disebabkan komunikasi dan sosialisasi dalam masyarakat. Dalam masyarakat Iban misalnya fungsi bejalai yang diamalkan oleh kaum lelaki telah bertukar fungsi sebagai meninggalkan rumah panjang untuk mencari pekerjaan, belajar mendapat latihan dan sebagainya. Begitu juga dengan kaum perempuan turut bejalai untuk meringankan beban suami dengan bekerja atau menuntut di IPTA (John Postill, 2003). Kesan daripada perubahan sosial ini masyarakat Iban dan Melayu Sarawak terpaksa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu Sarawak dan Iban yang sekaligus menyebabkan penyerapan bahasa berlaku. Oleh itu perubahan sosial yang berlaku melibatkan proses terjadinya perubahan fungsi sesuatu sistem sosial. Perubahan tersebut terjadi disebabkan komunikasi dan sosialisasi dalam masyarakat.

Objektif

Mengenal pastifaktor unsur serapan kata Bahasa Melayu Standard yang memacu proses integrasi bahasa sumber ke dalam bahasa penerima.

Kepentingan

Penyelidik perlu mencari kata serapan yang telah mengalami kehilangan ciri fonologi yang dibawa daripada bahasa sumber (bahasa Melayu). Kata serapan sedemikian sudah menjadi sebahagian daripada leksikon BI dan BMS. Walau bagaimanapun, ada juga kata serapan yang dengan sifat yang sama masih mempertahankan beberapa ciri bunyi asalnya. Ini berpunca daripada sikap atau sentimen tertentu bahasa penerima. Misalnya, kata /syurga/ tidak diubah menjadi /surga/ atau /sorga/ meskipun sudah lama ada dalam bahasa ibunda penutur BI dan BMS. Hal ini mungkin disebabkan kata berkenaan termasuk dalam kategori kata budaya tinggi. Samalah juga dengan kata /mesyuarat/ yang mempertahankan bunyi asal kerana kata ini menganggotai leksikon yang dikaitkan dengan kehidupan yang lebih canggih. Penyelidik perlu mencari bukti untuk memperkuat kenyataan ini. Sebagai contoh, kata /kerusi/ telah mengalami banyak perubahan bunyi dan jelas merupakan kata basahan yang digunakan sehari-hari untuk merujuk kepada sejenis perabot biasa. Sebaliknya, kata /mesyuarat/ lebih banyak digunakan dalam aktiviti sosial dan dilihat sebagai kata yang lebih canggih.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Dalam menghasilkan penyelidikan ini iaitu Integrasi Bahasa Melayu Standard dalam Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Iban, penyelidik menggunakan teori Kontak bahasa (*language contact*) yang diperkenalkan oleh Weinreich pada tahun 1953.

Teori Kontak Bahasa Uriel Weinreich (1953)

Penyelidik menggunakan kerangka teori kontak bahasa (*language contact*) yang diperkenalkan oleh Weinreich pada tahun 1953. Dalam teori ini terdapat istilah “gangguan” (*interference*) yang pertama kali digunakan oleh Weinreich untuk merujuk kepada perubahan sistem sesuatu bahasa kerana adanya pertembungan dengan unsur daripada bahasa lain oleh penutur dwibahasa, yang menggunakan dua bahasa silih berganti. Weinreich menganggap

“gangguan” sebagai gejala penyimpangan daripada norma-norma kebahasaan yang terjadi pada penggunaan bahasa seorang penutur dwibahasa akibat daripadakontakbahasa.

Gangguan dalam bahasa dianggap sebagai suatu kesalahan kerana menyimpang daripada kaedah atau aturan bahasa yang digunakan oleh masyarakat penutur. Kemampuan penutur dwibahasa menggunakan bahasa tertentu sehingga terpengaruh dengan bahasa lain merupakan penyebab terjadinya gangguan bahasa.

Menurut Weinreich (1953:1), istilah gangguan membayangkan penyusunan semula corak yang terhasil daripada pengenalan elemen asing dalam domain struktur bahasa yang lebih tinggi, seperti sebahagian besar daripada sistem fonemik, morfologi dan sintaksis, serta beberapa daerah perbendaharaan kata.

Selanjutnya, gangguan bahasa yang terjadi dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat fonik dan peringkat leksikal. Kesamaan gangguan pada peringkat fonik terdiri daripada 5 jenis: iaitu pertama, perbezaan di bawah fonem-fonem, iaitu ketiadaan kesamaan yang jelas dalam bahasa penerima. Kedua, perbezaan melampau fonem-fonem apabila adanya kehadiran perbezaan dalam bahasa penerima. Ketiga, pentafsiran semula unsur yang berkaitan turut terjadi apabila adanya sistem fonemik yang berbeza. Keempat, penggantian fon apabila ada sebutan yang berbeza bagi fonem yang setara, dan kelima, integrasi kata pinjaman terjadi apabila ada struktur perkataan homogen atau seragam dalam perkataan.


Manakala gangguan pada peringkat leksikal pula terdiri daripada 4 jenis: iaitu pertama, gangguan leksikal semacam menerusi rangsangannya, iaitu titik struktur yang lemah dalam kosa kata bahasa penerima perlu dipadankan dengan berbagai kelainan dalam bahasa sumber. Kedua, pemindahan kata secara nyata (bukan peluasan semantik), iaitu bentuk perkataan bawaan sebagai kemungkinan polisemi. Ketiga, pelarasan fonik daripada kata-kata kognat, iaitu satu bentuk kata tunggal (perbendaharaan kata asas), dan keempat, pengekaln khusus kata “asli” selepas meminjam kata yang menunjukkan tiada kekeliruan dalam semantik.

Akibat daripada kontak bahasa adalah disebabkan oleh dua faktor, iaitu faktor psikolinguistik dan faktor sosiolinguistik. Faktor psikolinguistik terdiri daripada sikap, motivasi integratif dan motivasi instrumental. Faktor sosial pula terdiri daripada dasar kerajaan, pendedahan bahasa dan pengaruh bahasa. Serapan Teori Weinreich dalam kajian penyelidikan memanfaatkan faktor psikolinguistik dan aspek pendedahan bahasa dalam faktor sosial. Daripada faktor psikolinguistik dan faktor sosiolinguistik, Weinreich (1953) berpandangan bahawa pemindahan bahasa berlaku akibat kadar keperluan oleh bahasa penerima. Lanjutan daripada itu, pemupukan kosa kata berlaku apabila kata daripada bahasa sumber dimasukkan ke dalam kamus bahasa penerima sebagai kata “asli”. Setelah melalui semua peringkat, akan berlaku integrasi bahasa sumber dengan bahasa penerima.

Weinreich yakin bahawa Integrasi bahasa sudah berlaku sekiranya unsur sesuatu bahasa sumber digunakan oleh bahasa penerima tanpa disedari. Salah satu proses integrasi bahasa ialah meminjaman kata daripada Bahasa sumber ke dalam bahasa penerima selepas beberapa lama unsur bahasa sumber sudah tidak dianggap sebagai unsur pinjaman oleh bahasa penerima. Dalam hal ini, ada bentuk leksikal tertentu sudah diterima sebagai sebahagian daripada bahasa penerima. Unsur gangguan yang terjadi secara berulang-ulang dalam percakapan semakin lama semakin diterima sebagai sebahagian daripada sistem bahasa penerima. Kamus ialah rujukan yang digunakan untuk menentukan wujudnya integrasi

bahasa sumber dalam bahasa penerima. Jika suatu unsur bahasa sumber sudah dimasukkan dalam kamus bahasa penerima, dapatlah dikatakan bahawa unsur bahasa sumber yang tertentu sudah berintegrasi dengan bahasa penerima. Dalam proses integrasi, unsur bahasa sumber yang diserap telah disesuaikan dengan sistem bahasa penerima. Proses penyesuaian integrasi bahasa lebih cepat apabila bahasa sumber dengan bahasa penerima memiliki banyak persamaan. Cepat atau lambat sesuatu unsur bahasa sumber diterima oleh bahasa penerima bergantung pada kadar keperluan bahasa sumber tersebut.

Kerangka teori kajian yang dibina berdasarkan Teori Kontak Bahasa Weinreich (1953) diperturunkan pada Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1: Model Gangguan Bahasa (Sumber: Weinreich (1953) hal:380-388)

Skop

Penyelidikan ini dijalankan di empat buah Institut Pendidikan Guru di Sarawak. Penyelidik memilih guru pelatih berbangsa Melayu Sarawak dan Iban. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan pemerhatian.

Kaedah Kajian

Penyelidikan ini berbentuk deskriptif daripada jenis tinjauan. Penyelidikan dilakukan secara intensif ke atas satu unit masyarakat Institut Pendidikan Guru, iaitu guru pelatih-guru pelatih yang berbangsa Iban dan Melayu Sarawak seramai 229 orang.

Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Penyelidik mengkaji beberapa aspek pemboleh ubah persekitaran bahasa pelajar. Penekanan kajian adalah terhadap integrasi bahasa Melayu dalam bahasa masyarakat Iban dan Melayu di Sarawak dan. Sementara itu, data sekunder untuk kajian ini dikumpulkan oleh pengkaji melalui kaedah perpustakaan daripada pelbagai sumber seperti buku, tesis, latihan ilmiah, artikel, jurnal, dan majalah untuk merujuk dan mengulas kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain tentang integrasi bahasa dan teori integrasi.

Pendekatan Kajian

Penyelidik menggabungkan pendekatan kuantitatif. Data kualitatif tidak dinyatakan dalam sifat perangkaan, khususnya maklumat yang diperoleh daripada temu bual dengan sampel kajian yang menyatakan pendapat dan pandangan mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu ketika berinteraksi dalam Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak. Penyelidikan yang berbentuk deskriptif ini bermatlamat untuk menerangkan fenomena penyerapan bahasa Melayu ke dalam bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak.

Dapatan dan Perbincangan

Mengenal pasti Faktor Unsur Serapan Kata Bahasa Melayu Standard yang Memacu Proses Integrasi Bahasa

Penyelidik menghubungkan faktor sosiolinguistik dengan gangguan mengikut kajian asal Weinreich (1953:1). Menurutnya, istilah gangguan membayangkan penyusunan semula corak yang terhasil daripada pengenalan elemen-elemen asing dalam domain struktur bahasa yang lebih tinggi, seperti sebahagian besar daripada sistem fonemik, morfologi dan sintaksis, serta beberapa daerah perbendaharaan kata. Berdasarkan pemahaman penyelidik dalam kes BIB dan DMS, gangguan ialah unsur serapan kosa kata bahasa Melayu yang telah diintegrasikan ke dalam BIB dan DMS sebagai bahasa penerima.

Di Malaysia, bahasa Melayu ialah variasi standard yang dikenali sebagai variasi nasional. Keperluan akan variasi nasional seolah-olah merupakan satu lambang kebangsaan atau kenegaraan. Komunikasi rasmi bagi sesuatu negara, apabila menggunakan variasi nasional, bukan sahaja membawa makna kedaulatan negara, tetapi juga identiti negara itu sendiri (*Ensiklopedia Bahasa Melayu* (2008:52). Dengan mengambil kira status, BIB dan DMS ialah bahasa ibunda bagi penduduk Iban di negeri Sarawak dan Melayu Sarawak di Sabah. Kedua-dua bahasa itu berperanan sebagai bahasa pertama, dikuasai sejak awal hayat melalui interaksi dengan sesama anggota masyarakat. Oleh sebab itu, bahasa ialah kunci ke arah integrasi.

Data daripada soal-selidik menunjukkan sebanyak 229 bersamaan 98% sampel kajian yang bersetuju bahawa bahasa-bahasa boleh bertindak sebagai simbol kepunyaan. Sebanyak 226 atau 97% bersetuju bahawa idiolek bertindak sebagai simbol kepunyaan. Hal ini bersesuaian dengan Teori Kontak Bahasa yang diasaskan oleh Weinreich (1953) yang menyatakan bahawa kalau ada bahasa daripada idiolek yang boleh bertindak sebagai simbol kepunyaan dan ada bahasa yang digunakan maka pengintegrasian bahasa akan mudah berlaku.

Golongan warga tua masyarakat Iban dan Melayu Sarawak telah mencipta satu budaya pemurnian bahasa dalam sesetengah keperluan untuk mengekalkan kesantunan dan keterbukaan penerimaan umum terhadap satu sebutan yang dimurnikan.

Jadual 1: Unsur Serapan Kata Bahasa Melayu Standard Faktor yang Memacu Proses Integrasi Bahasa

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1.	Bahasa-bahasa boleh bertindak sebagai simbol kepunyaan.	229 98%	5 2%
2.	Ideolek boleh bertindak sebagai simbol kepunyaan.	226 97%	8 3%
3.	Jika ada (1) dan (2) akan menimbulkan minat yang kuat dalam kalangan pendatang untuk memperoleh bahasa standard.	234 100%	0 0%
4.	Bagi pendapat anda adakah pengiktirafan masyarakat dan hubungan sosial saling berkaitan?	222 95%	12 5%
5.	Adakah kecekapan linguistik dalam bahasa baku yang relevan dengan anda berkaitan dengan pengiktirafan masyarakat.	105 45%	129 55%
6.	Saya berpendapat jika suatu unsur bahasa Melayu sudah diserap ke dalam kamus bahasa ibunda maka unsur bahasa Melayu itu sudah berintegrasi dengan bahasa ibunda saya.	199 85%	35 15%
7.	Adakah kecekapan linguistik dalam bahasa baku yang relevan dengan anda berkaitan dengan hubungan sosial?	199 85%	35 15%
8.	Adakah kecekapan linguistik dalam bahasa baku yang relevan dengan anda menimbulkan minat yang kuat untuk memperoleh bahasa itu.	196 84%	38 16%
9.	Saya berpendapat kepelbagaian linguistik di Malaysia Timur boleh mewujudkan rangsangan yang inovatif.	226 97%	8 3%
10.	Saya berpendapat kemajmukan bahasa dapat memulakan keperluan untuk satu perantaraan komunikasi yang umum.	226 97%	8 3%
11.	Saya berpendapat satu perantaraan komunikasi yang umum boleh dipenuhi melalui pembelajaran bahasa yang relevan.	222 95%	12 5%
12.	Saya berpendapat satu perantaraan komunikasi yang umum boleh dipenuhi melalui pengajaran.	189 81%	45 19%

(Kajian Lapangan, 2014)

Hal ini meletakkan bahasa sebagai simbol kepunyaan bagi masyarakat ini. Masyarakat di Malaysia Timur lebih mementingkan adab sopan dalam berbahasa bagi membentuk sahsiah

sosial dalam masyarakat Iban dan Melayu Sarawak, khususnya kepada generasi muda. Kewujudan kosa kata yang dimurnikan lahir daripada kebiasaan ibu bapa berbicara dengan anak kecil, khususnya anak yang masih belum lancar bercakap. Oleh sebab itu, kosa kata yang telah dimurnikan digunakan dalam pertuturan seharian. Terdapat beberapa kata yang telah dimurnikan untuk kegunaan generasi tua ketika berbicara dengan generasi muda seperti yang berikut:

Bib	DMS
Majouh (makan) ditukar makai	Majoh ditukar makan
Kemih (kencing) ditukar kencing	Kemih ditukar kencing
Janik (babi) ditukar babi	Mampus ditukar ninggal
Nuan (kamu) ditukar dik	Iseng ditukar tidak betul
	Hantu ditukar semandin
	Datang Haid ditukar datang kotor

(Kajian Lapangan, 2014)

Sebanyak 100% (234 orang) bersetuju bahawa jika ada bahasa dan ideolek yang bertindak sebagai simbol kepunyaan disusuli pula oleh pengiktirafan masyarakat maka hal ini akan menggalakkan minat yang kuat dalam kalangan pendatang untuk memperoleh BMST.

Seterusnya, sebanyak 95% (222 sampel kajian) bersetuju bahawa pengiktirafan masyarakat dan hubungan sosial saling berkaitan. Hal ini dikukuhkan oleh Weinreich (1953) yang menyatakan bahawa gabungan bahasa dan ideolek, pengiktirafan masyarakat dan minat sudah tentu akan berkekalanlah bahasa tersebut sehingga beberapa generasi akan datang. Penggunaan kata yang sedia ada dalam kamus Bib dan DMS yang dirasakan agak kurang sopan untuk dituturkan di khalayak, apatah lagi di hadapan orang tua-tua atau di hadapan kanak-kanak. Beberapa kata yang dimurnikan telah diperturunkan kepada generasi muda hingga ke hari ini. Banyak kata atau sebutan yang agak kurang sopan tetapi telah dimurnikan agar dapat diterima oleh khalayak, terutamanya dalam perbualan golongan muda dengan golongan yang lebih tua atau sebaliknya. Misalnya, perkataan *majuoh* (makan/makai), (merujuk perlakuan yang melampau), *kemih* (buang air kecil untuk kanak-kanak), *jemalang* (hantu untuk menakutkan kanak-kanak) dan *gatal* (miang merujuk kepada kelakuan yang tidak senonoh). DMS tidak terkecuali. Perkataan seperti *orang rumah* (isteri/bini) ditukar kepada *bini* mampus pula ditukar kepada *mati*. Tidak dapat dinafikan pengaruh bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris telah sedikit sebanyak meresap dan mempengaruhi BMST. Dalam *Bib* bermaksud *bup* dan sekolah dipanggil *sekul*, manakala dalam DMS pula *versi* dipanggil *bisi* dan *jaman* dipanggil *zaman*.

Kecekapan linguistik dalam bahasa baku yang relevan dengan sampel kajian berkaitan dengan pengiktirafan masyarakat diakui oleh 85% (199 sampel kajian). Hal ini jelas dilihat bahawa Bib dan DMS sebagai salah satu rumpun bahasa nusantara yang menggunakan sebutan yang sama dengan BMST, seperti *oleh*, *di*, *ke*, *jauh*, *dekat*, *simpang*, *berjalan*, *angkat*, *simpan*, *masuk*, *keluar*, *makan* dan *minum*. Pemilihan bahasa ini menunjukkan kecekapan linguistik bahasa standard dan kepelbagaian linguistik dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan kata amat berbeza maksudnya jika dibandingkan dengan BMST. Misalnya *berekot* (berlari), *terusuk* (terjatuh), *merinsak* (sengsara), *maok* (mahu), *mun* (kalau), *sik* (tidak), *lejuk* (jemu), *senggaut* (tergesa-gesa) *nemu* (*tahu*) dan *aok* (*ya*).

Aspek kecekapan linguistik dalam BMST yang relevan berkaitan dengan hubungan sosial dipersetujui oleh sebanyak 85% atau 199 sampel kajian. Kecekapan linguistik bahasa standard turut dilihat dalam contoh perkataan *manah* dalam Bib bermaksud *cantik* dan *baik* sedangkan dalam BMST *manah* mempunyai makna yang berbeza, iaitu *perbuatan memamah*. DMS pula menggunakan kata *tawan* sebagai *awan* sedangkan dalam BMST *tawan* bermaksud *tahanan*.

Sebanyak 84% berpendapat bahawa kecekapan linguistik dalam bahasa standard yang relevan dengan sampel kajian akan menimbulkan minat yang kuat untuk memperoleh bahasa tersebut. Ini dapat dilihat dengan penggunaan perkataan *lawa*. Dalam BMST baku kata *lawa* membawa makna *cantik*, *bagus benar*, *elok* dan *molek*. Kata tersebut berbeza konteks penggunaan dan maknanya dalam dialek Iban di Sarawak. *Lawa* dalam Bib bermaksud *sombong dan bongkak*. Oleh itu, kecekapan linguistik yang relevan akan menjadi amalan sehingga generasi akan datang.

Sebanyak 97% (226 sampel kajian) berpendapat bahawa kepelbagaian linguistik boleh mewujudkan rangsangan yang inovatif. Hal ini ada diterangkan oleh Weinreich (1953) yang berpendapat bahawa kepelbagaian linguistik boleh membawa kepada rangsangan yang inovatif dan pertukaran antara budaya. Kemajmukan bahasa dapat memulakan keperluan untuk satu perantaraan komunikasi yang umum dipersetujui oleh 97% (226 sampel kajian). Wujud rangsangan yang inovatif dengan adanya perantaraan komunikatif. Sebanyak 95% (222 sampel kajian) bersetuju bahawa satu perantaraan komunikasi yang umum boleh dipenuhi melalui pembelajaran bahasa yang relevan. Hal ini dijelaskan oleh Weinreich (1953), iaitu kemajmukan bahasa boleh memulakan keperluan untuk menjadi perantara komunikasi yang umum yang dapat dipenuhi melalui pengajaran dan juga pemerolehan bahasa standard yang relevan. Begitu juga sebanyak 81% (189 sampel kajian) bersetuju bahawa satu perantaraan komunikasi yang umum boleh dipenuhi melalui pengajaran yang seterusnya mewujudkan proses penyesuaian linguistik.

Hal ini bersesuaian dengan Teori Kontak Bahasa yang diasaskan oleh Weinreich (1953) yang menyatakan bahawa kalau ada bahasa daripada dialek yang boleh bertindak sebagai simbol kepunyaan dan ada bahasa yang digunakan maka pengintegrasian bahasa akan mudah berlaku. Golongan warga tua masyarakat Iban dan Melayu Sarawak telah mencipta satu budaya pemurnian bahasa dalam sesetengah keperluan untuk mengekalkan kesantunan dan keterbukaan penerimaan umum terhadap satu sebutan yang dimurnikan. Hal ini meletakkan bahasa sebagai simbol kepunyaan bagi masyarakat ini. Masyarakat di Malaysia Timur lebih mementingkan adab sopan dalam berbahasa bagi membentuk sahsiah sosial dalam masyarakat Iban dan Melayu Sarawak, khususnya kepada generasi muda.

Postal (1968) menerangkan bahawa perubahan bahasa berlaku lantaran adanya resapan unsur bahasa asing. Apabila kaum pendatang sampai di sesuatu kawasan yang baharu, atau apabila penduduk asli sesuatu kawasan berasa selesa menggunakan bahasa penjajah di kawasan itu, penduduk asli belajar bahasa penjajah tetapi menggunakan bahasa itu dengan tidak sempurna. Kemudian, golongan dewasa menurunkan bahasa yang tidak sempurna itu kepada generasi muda dan orang lain yang berada di dalam lingkungan interaksi sosialnya. Dengan perbuatan ini, bahasa itu diubahsuai mengikut keperluan masyarakat setempat. Bahasa yang diambil dan digunakan itu tidak selalu bergerak ke arah bahasa stratum bawah, tetapi berlaku juga perubahan pada bahasa yang diambil dan digunakan itu.

Situasi lain tentang resapan unsur bahasa asing yang menyebabkan perubahan ke atas sesuatu bahasa ialah kontak bahasa. Kontak bahasa antara beberapa bahasa yang berlainan biasa berlaku di kawasan sempadan bahasa. Penduduk di kawasan sempadan bahasa sering kali penutur dwibahasa atau mempunyai pengetahuan tentang bahasa di luar kawasan sempadan bahasanya, sebagai tambahan untuk bahasa jati. Dalam keadaan ini, bahasa yang berlainan saling mempengaruhi, dan semakin kerap kontak bahasa berlaku, semakin banyaklah unsur bahasa asing diserap masuk dalam bahasa jati. Kajian penyelidik menerapkan Postal (1968) sebagai tambahan kepada Teori Kontak Bahasa yang diasaskan oleh Weinreich (1953). Weinreich memandang integrasi sebagai unsur gangguan yang terjadi secara berulang-ulang sehingga semakin lama unsur itu semakin diterima sebagai sebahagian daripada sistem bahasa masyarakat penutur. Situasi ini juga bersesuaian dengan artikel *Lingua Franca Di Sarawak* (Mohamad Azlan, 2010) yang mendapati bahawa kaum Melayu dan Iban menggunakan bahasa mereka sendiri. Pada masa yang sama mereka menggunakan bahasa perhubungan yang menjadi milik bersama, difahami, sesuai dan tidak menimbulkan masalah sehinggalah penyerapan berlaku.

Kesimpulan

Seterusnya, penyelidik mendapati bahawa kajian ini amat bertepatan dengan Teori Kontak Bahasa Weinreich (1953) kerana menerusi teori ini penyelidik berjaya mengolah Model Integrasi Bahasa Weinreich mengikut konteks penutur Iban dan Melayu Sarawak yang digarap daripada Teori Kontak Bahasa Weinreich (1953) tersebut. Teori ini mengetengahkan bahawa integrasi bahasa terjadi disebabkan daripada fenomena gangguan bahasa. Ukuran yang digunakan untuk menentukan integrasi suatu unsur serapan ialah kamus. Dalam hal ini, jika suatu unsur serapan atau gangguan bahasa sudah dicantumkan dalam kamus bahasa penerima, dapat dikatakan unsur itu sudah berintegrasi.

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh manusia dalam kehidupan bermasyarakat untuk berhubungan bagi melestarikan kebudayaannya serta menyebarkan dan mengembangkan pemikirannya dalam anggota masyarakat serta generasi akan datang. Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada penutur. Melalui bahasa, manusia berkongsi satu sistem berkomunikasi yang akan melahirkan kumpulan manusia yang berbeza daripada kumpulan yang lain yang menggunakan sistem bahasa yang berlainan pula. Penyebaran bahasa yang berlaku bersama-sama penutur dinamakan penyebaran secara migrasi atau perpindahan. Integrasi bahasa turut berlaku apabila bahasa daripada satu bahasa atau dialek yang diambil oleh bahasa yang lain, dan kata yang dipinjam itu biasanya disebut sebagai kata pinjaman. Dalam hal ini, bahasa yang dituturkan sentiasa berinteraksi antara satu sama lain. Kata dipinjam daripada bahasa sumber ke dalam bahasa penerima.

Integrasi bahasa dalam kajian penyelidik berasal daripada penggunaan bahasa Melayu dalam bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak. Hal ini disebabkan unsur bahasa Melayu telah diterima sebahagian sebahagian daripada bahasa ibunda tersebut. Manakala penyesuaian unsur bahasa yang diserap masuk ke dalam bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa penerima sebenarnya telah melalui proses integrasi pada jangka masa yang lama. Seterusnya generasi muda seperti pelajar-pelajar, belia-belia, pelajar-pelajar IPTA atau berasal daripada IPTS akan menyemai minat terhadap penggunaan bahasa yang variasi seterusnya menyebarkannya kepada generasi seterusnya. Dalam proses penyebaran bahasa ini wujudnya pertembungan bahasa hasil daripada penyimpangan norma-norma salah satu bahasa yang berlaku dalam pertuturan dwibahasa sebagai akibat daripada kebiasaan

menggunakan lebih daripada satu bahasa (Hartmut Esser, 2006). Fenomena ini akan mewujudkan gangguan bahasa yang turut mewujudkan percampuran kod dan alih kod semasa pertuturan berlaku. Situasi satu bahasa membantu mengekalkan bahasa yang seragam yang konservatif manakala situasi dwibahasa pula menerima norma-norma bahasa kata pinjaman daripada bahasa asing (Weinreich, 1953:88).

Rujukan

- Amat Juhari Moain. (1985). *Pembentukan Kata dan Istilah*. Dewan Bahasa, 21(1):18-34.
- Asmah Haji Omar (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chaer, Abdul dan Leoni Agustina.1995. *Sosiolinguistik Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul. (1998). *Linguistik Umum*. Jakarta. Rineka Cipta.
- Ensiklopedia Bahasa Melayu. (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmut Esser. (2006). *Migration, Language and Integration*. Berlin: Aki Research Review 4.
- Jendra. I Wayan.1991. *dasar-dasar Sosiolinguistik*. Denpasar: Ikayana.
- John Postill. (2003). *Melanesian Odysseys Negotiating themselves, Narrative and Modernity*. Lisette Josephides. Berghen Books. Copyright.
- Kridalaksanan, Harimurti. 1998. *Introduction to Word Formation and Word Classes*. Jakarta. Universitas Indonesia.
- Latifah Othman (1990). *Peminjaman Kata Lumrah Bahasa*. Pelita Bahasa, 2 (2): 48-49.
- Mohd Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Thinker's Library Sdn. Bhd., Selangor.
- Nik Safiah Karim. (1998). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajarannya*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.
- Noor Aina Dani. (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun*. Tesis Phd, Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani. (2008). *Penguasaan dan Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur. Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohammad Azlan Mis. (2010). *Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa*, *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, Volume 10(2)* hlm97-116.
- Postal, P.M. (1968) *Aspects of Phonological Theory*. New York: Harper & Row.
- Shaliza Dasuki. (2015). *Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing dalam Perkahwinan Melayu* dalam [https://www.research gate.net/publication/319351682](https://www.researchgate.net/publication/319351682).
- Weinreich, U. (1953). *Language In Contact: Findings and Problems*. New York. Linguistic Circle of New York.
- Zainal Abidin Bakar (1990). *Peminjaman dalam Peristilahan: Bukan Sekadar kata*, Pelita Bahasa, 2 (2): 20-21.